



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 12 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	BEKALAN MAKANAN NEGARA MENCUKUPI, SH -ONLINE PASAR SEGAR TERKAWAL DI LOKASI-LOKASI TERPILIH, NASIONAL, SH -14	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	MAQIS RAMPAS 474KG PELBAGAI JENIS BUAH DARI THAILAND TANPA PERMIT, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -29	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4.	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) MENETAPKAN HARGA MAKSIMUM BENIH PADI SAH PADA HARGA RM35 BAGI SETIAP 20KG BERKUATKUASA JANUARI 2021, BERNAMA -ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
5. 6.	AIR SUNGAI PAHANG MACAM MINYAK HITAM, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -24 PENTERNAK IKAN RUGI RM20,000, NEGARA, KOSMO -7	LAIN-LAIN

LUKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bekalan makanan negara mencukupi



Datuk Che Abdullah (dua dari kanan) melihat hasil pertanian yang dijual di PST FAMA Seremban pada Jumaat.

SEREMBAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memastikan keperluan bekalan makanan di seluruh negara mencukupi sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penup fasa pertama Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan terjamin, termasuklah pengurusan isu lambakan.

Menurutnya, antara pendekatan yang diambil adalah melalui pelaksanaan Pasar Segar Terkawal (PST) di lokasi-lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Setakat ini sebanyak 42 PST beroperasi di seluruh negara dan di Negeri Sembilan terdapat empat lokasi iaitu di Pasar Tani Kekal Paroi, Pasar Tani Kekal Bandar Seri Jempol, Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Seremban dan Agrobazaar Sendayan.

"Setiap PST akan mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah-buahan, ikan, ayam, daging, produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), barangan runcit dan makanan (take away). Kesemua PST ini akan terus beroperasi sepanjang pelaksanaan PK 3.0 ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan dan lawatan kerja di dua lokasi PST FAMA iaitu Pusat Operasi FAMA Seremban dan Agrobazaar Sendayan pada Jumaat.

Datuk Che Abdullah (kiri) semasa melawat PST FAMA Seremban pada Jumaat.



Hadir sama, Pengerusi FAMA, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, MAFI sentiasa mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan makanan, antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian serta industri makanan.

Katanya, MAFI dengan kerjasama semua pihak bertanggungjawab memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan berada dalam keadaan mencukupi selain terus stabil memandangkan sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu (essential services).

Dalam pada itu, beliau memberitahu bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh PKP 3.0 ini, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (Crisis Management Centre) yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 malam.

Katanya, langkah ini bagi membantu golongan petani yang menghadapi masalah memasarkan hasil pertanian mereka dengan melayari portal FAMA Feedback System (<http://ffs.fama.gov.my/aduan/index.php>) atau menghubungi talian hotline FAMA di 019-7476754, atau 013-3777100 dan di talian 010-7632684.

Bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi sepanjang PKP 3.0

Oleh SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan terus memastikan keperluan bekalan makanan di seluruh Malaysia mencukupi sepanjang tempoh Sekatan Pergerakan Penuh fasa satu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri II MAFI, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, pihaknya telah mengambil pelbagai pendekatan bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan rantaian bekalan makanan terjamin termasuklah pengurusan isu lambakan.

Menurutnya, antara pendekatan yang diambil adalah melalui pelaksanaan Pasar

Segar Terkawal (PST) di lokasi-lokasi terpilih yang beroperasi mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Setakat ini, sebanyak 42 PST beroperasi di seluruh negara dan di Negeri Sembilan terdapat empat lokasi iaitu di Pasar Tani Kekal Paroi, Pasar Tani Kekal Bandar Seri Jempol, Pusat Operasi Lembaga Pemansaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Seremban serta Agrobazaar Serendayan.

"Setiap PST akan mempunyai lapan komoditi teras iaitu sayur, buah-buahan, ikan, ayam, daging, produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS), barangan runcit serta makanan (*take away*).

"Kesemua PST ini akan terus beroperasi sepanjang pelak-

Pasar Segar Terkawal di lokasi-lokasi terpilih



Che Abdullah (kiri) melawat PST FAMA Seremban pada Jumaat.

sanaan PK) 3.0 ini," kata Che Abdullah.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan dan lawatan kerja di dua lokasi PST FAMA iaitu Pusat Operasi FAMA Seremban dan Agrobazaar Serendayan pada Jumaat.

Hadir sama, Pengerusi FAMA, Datuk Mohd Fasih Mohd Fakeh. Mengulas lanjut, Che Abdullah berkata, MAFI sentiasa mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan kelancaran rantaian bekalan

makanan, antaranya pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian serta industri makanan.

Menurutnya, MAFI dengan kerjasama semua pihak bertanggungjawab memastikan keadaan sentiasa terkawal dan bekalan makanan dalam keadaan mencukupi serta stabil.

"Ja berikutan sektor pertanian dan industri makanan diletakkan sebagai satu perkhidmatan perlu (*essential services*)," katanya.

Dalam pada itu, jelas beliau, bagi memastikan kelancaran aktiviti pemasaran hasil pertanian semasa tempoh PKP 3.0, FAMA telah mewujudkan Bilik Gerakan (*Crisis Management Centre*) yang beroperasi pada jam 8 pagi hingga 7 malam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	29

Maqis rampas 474kg pelbagai jenis buah dari Thailand tanpa permit

RANTAU PANJANG - Pelbagai jenis buah-buahan dari Thailand seberat 474 kilogram (kg) yang dibawa dengan lori dirampas ketika melalui Kompleks Imigresen, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) pada Rabu.

Rampasan bernilai RM3,192 itu dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kelantan selepas pemandu lori itu gagal mengemukakan permit import sah ketika pemeriksaan.

Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At berkata, hasil pemeriksaan yang dilakukan, Maqis Kelantan mendapati lori itu membawa buah durian sebanyak 90kg, limau madu (240kg) dan jambu madu (144 kg).

“Maqis Kelantan turut merampas sebanyak 209 pelbagai jenis biji benih sayur dan buah yang dianggarkan bernilai



Cubaan membawa masuk pelbagai jenis buah tanpa permit import sah dari Thailand berjaya dipatahkan oleh Maqis Kelantan pada Rabu.

RM725 hasil pemeriksaan ke atas lori berkenaan.

“Perbuatan mengimport hasil pertanian tanpa permit import sah dari Maqis merupakan suatu kesalahan,” katanya.

Roslan memberitahu, sebelum ini pihaknya turut menerima dua serahan kes daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) melibatkan rampasan keratan ayam sejuk beku seberat 960kg dan 475 pekot pelbagai jenis sosej yang bernilai RM22,955.

“Maqis Kelantan

akan terus meningkatkan kawalan di semua ICQS di negeri ini menerusi jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi penguatkuasa di sempadan.

“Langkah itu bagi memastikan semua barangan yang diimport bebas ancaman perosak, penyakit serta bahan cemar,” katanya.

Beliau berkata, hal ini bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang memasuki negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan oleh pihak kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2021	BERNAMA	ONLINE	

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) MENETAPKAN HARGA MAKSIMUM BENIH PADI SAH PADA HARGA RM35 BAGI SETIAP 20 KILOGRAM BERKUATKUASA JANUARI 2021



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menetapkan harga siling RM 35 bagi satu beg berisi 20 kilogram benih padi sah bermula tahun ini.

Harga siling RM35 sekampit ini memberi manfaat kepada kira-kira 320,000 pesawah di seluruh Semenanjung.

Usaha penyeragaman ini adalah kerana berlakunya isu harga yang tidak terkawal, sehingga petani terpaksa membeli sekampit benih padi dengan harga sehingga RM60 setiap 20kg benih padi sah.

Selain penetapan harga siling benih padi sah di paras RM35 per beg, MAFI juga telah melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/KL	24

Air Sungai Pahang macam minyak hitam

Pengusaha dakwa terpaksa tanggung rugi, ribuan ikan sangkar mati

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Mohd Zahir menunjukkan air Sungai Pahang yang bertukar kehitaman.



Pengusaha ikan sangkar, Mohd Zahir Ibrahim dari Kampung Pengkalan Manggis, Sungai Pahang terpaksa menanggung kerugian apabila ribuan ikan sangkar peliharaannya mati.

Mohd Zahir, 37, mendakwa ikan ternakannya mati dipercayai berpunca daripada sisa pembuangan sebuah kilang di daerah ini yang menyebabkan warna air Sungai Pahang bertukar menjadi hitam dan berbau busuk pada Rabu lalu.

“Ketika kejadian kira-kira jam 5.30 petang, dia berada di gerai berhampiran sebelum terkejut melihat warna air Sungai Pahang berubah kehitaman-hitam dan selain ikan-ikan mula mati.

“Warna air bertukar seperti minyak hitam. Bau busuk seperti air kumbahan selain terdapat sisa buangan dan habuk yang melekat pada ikan.

“Saya dapati ribuan

ikan termasuk anak-anak ikan patin yang baru berusia seminggu mati begitu juga dengan ikan tilapia yang sudah matang,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Jumaat.

Dakwanya, kejadian sama pernah berlaku dua tahun lalu hingga menyebabkan dia mengalami kerugian kira-kira RM300,000.

Mohd Zahir juga agak terkilan kerana kejadian sama berulang ketika negara berdepan dengan pandemik Covid-19 yang menyebabkan pendapatan ramai penternak terjejas.

“Jumlah kerugian masih belum dapat ditaksir. Hingga Jumaat, masih ada lagi ikan yang mati walaupun warna air sungai kembali pulih pada Khamis,” katanya yang mempunyai 48 sangkar ikan yang diusahakan sejak tahun 2000.

Menurutnya, aduan telah dibuat kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan sampel air telah diambil oleh pihak jabatan terbabit pada Khamis.

“Saya berharap JAS bertegas dengan mengambil tindakan



Mohd Zahir menunjukkan antara anak-anak ikan patinnya yang mati.

kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab supaya masalah ini tidak berulang,” ujarnya.

Sementara itu, aktivis alam sekitar, Khaidir Ahmad berkata, isu pencemaran Sungai Pahang berpunca daripada kilang bukan perkaru baharu, malah sudah beberapa kali pengusaha sangkar terkesan dengan insiden tersebut.

“Persoalannya mengapakah pihak terbabit dibenarkan

membuang sisa kumbahan kilang ke Sungai Pahang yang menjadi sumber air mentah utama penduduk? Bahkan saya dapati di sepanjang Sungai Pahang begitu banyak loji rawatan air dibina.

“JAS disarankan supaya menempatkan lebih banyak stesen pemantauan kualiti air di Sungai Pahang bagi membolehkan kualiti air sungai ini dapat dipantau secara berkala,” kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/6/2021	KOSMO	NEGARA	7

Sungai dicemari kelodak hitam

Penternak ikan rugi RM20,000

Oleh KHAIRULMIZAN YAHYA

TEMERLOH – Seorang penternak ikan sangkar di Pengkalan Manggis di sini terpaksa menanggung kerugian apabila banyak ikannya mati dipercayai akibat pencemaran air Sungai Pahang.

Mohd. Zahir Ibrahim, 37, mendakwa air sungai terbahit dicemari dengan kelodak berwarna hitam dan berbau dipercayai sisa yang dilepaskan sebuah kilang berhampiran pada Rabu lalu.

“Kejadian itu disedari pada petang Rabu itu apabila saya dapati ada kelodak berwarna hitam dan berbau seperti air kumbahan di kawasan sangkar ikan dan selepas itu banyak ikan mati.

“Kebanyakan ikan yang mati adalah anak ikan patin berusia seminggu selain ikan tilapia yang sudah berusia empat bulan dan sedia untuk dijual,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Mohd. Zahir berkata, sehingga kini lebih 1,000 ekor ikan patin dan tilapia dipeliharanya mati yang melibatkan kerugian kira-kira RM20,000.

Katanya, dia sudah melaporkan kejadian itu kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Temerloh dan pegawai berkenaan sudah datang membuat siasatan serta mengambil sampel air.

Dia memberitahu, kejadian itu bukan pertama kali berlaku kerana dua tahun lalu dia mengalami kerugian hampir RM300,000 apabila ikan di tiga sangkarnya mati dipercayai juga akibat pencemaran air.

“Sudahlah pendapatan kami terjejas apabila hanya dibenarkan berniaga sehingga pukul 1 tengah hari sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) yang baru berakhir semalam.

“Kini kami terpaksa pula berdepan dengan masalah ini dan mengalami kerugian, kami ibarat sudah jatuh ditimpa tangga,” katanya.

Sementara itu, aktivitis alam sekitar, Khaidir Ahmad berkata, JAS negeri perlu memantau kualiti air di Sungai Pahang bagi memastikan tiada pihak melepaskan sisa buangan ke sungai.



MOHD. ZAHIR menyauk anak ikan yang mati disangkarnya dalam kejadian di Temerloh semalam.



MOHD. ZAHIR menunjukkan anak ikan yang mati serta sampel air sungai yang diambil pada hari kejadian di Temerloh semalam.